

22/01/1997

Parti komponen BN diminta tingkat kerjasama

TAWAU, Selasa - Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah disaran meningkatkan kerjasama dan berusaha lebih gigih bagi menjamin kelancaran program pembangunan yang dirancangkan untuk negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata tumpuan mesti dikhususkan kepada soal pembangunan, justeru amalan politik yang berlebihan harus dikurangkan.

Katanya, Kerajaan Persekutuan komited untuk membangunkan Sabah supaya seiring dengan negeri lain yang lebih pantas kemajuannya.

Beliau berkata, arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada menteri Kabinet untuk membangunkan semua negeri baru-baru ini, cukup jelas dan seharusnya diberi perhatian semua pihak.

"Arahan itu jelas ... kita nak pastikan pentadbiran cekap dan licin, kaedah pengurusan jangan diperlambatkan, proses kelulusan mesti dipercepat," katanya berucap pada majlis sambutan ulang tahun ketiga Parti Maju Sabah (SAPP) di Dewan Sri Tawau, di sini malam tadi.

Kira-kira 2,000 pemimpin dan ahli SAPP dari seluruh negeri menghadiri sambutan itu.

Turut hadir Ketua Menteri merangkap Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee; Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam; serta beberapa pemimpin parti komponen BN Sabah.

Ketibaan Timbalan Perdana Menteri diberi sambutan penuh warna-warni, disertai persembahan kebudayaan pelbagai kaum. Beliau turut diberi penghormatan memotong kek ulang tahun parti itu.

Dalam pada itu, Anwar mahu pimpinan BN Sabah meningkatkan usaha ke arah memupuk perpaduan kerana ia menjadi prasyarat utama kestabilan politik.

Katanya, perpaduan bukan bertujuan mempertahankan kedudukan seseorang pemimpin, sebaliknya akan menjadi pemangkin kepada proses pelaksanaan agenda pembangunan kerajaan untuk rakyat.

"Bagi Sabah, sebenarnya banyak perlu dilakukan kerana negeri ini masih ketinggalan. Kita mahu Sabah juga dapat bergerak seiring negeri lain yang sudah maju," katanya.

Beliau menegaskan, pentingnya setiap pemimpin memikir jauh ke hadapan, bukan melihat kepentingan diri sendiri atau melihat orang di sekeliling saja.

(END)